

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]**

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa anggaran kuota pelaksanaan program baik pulih rumah dan bina baru rumah kepada rakyat termiskin untuk Parlimen Sibuti bagi tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia kedua Belas 2021-2025, adalah sasaran 500 unit bantuan boleh dicapai bagi Parlimen Sibuti.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) komited untuk mencapai sasaran 75,000 unit bantuan rumah dibina dan dibaik pulih melibatkan peruntukan sebanyak RM2.05 bilion sepanjang tempoh RMKe-12 seperti mana yang diumumkan YAB Perdana Menteri.

Daripada jumlah tersebut, Negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM333.3 juta untuk 4,785 unit bina baharu (BB) dan RM241.1 juta untuk 15,407 unit baik pulih bagi tempoh pelaksanaan bermula tahun 2021 hingga 2025.

Bagi Parlimen Sibuti, KPLB mensasarkan sebanyak 35 unit bina baharu dan 475 unit baik pulih dilaksanakan sepanjang RMKe-12 yang akan melibatkan peruntukan sebanyak RM10.46 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2021, KPLB telah memperuntukkan 6 unit bina baharu dan 52 unit baik pulih melibatkan peruntukan sebanyak RM1.16 juta.

Sekian, terima kasih.